



**GARIS PANDUAN
SKIM TRANSLATIONAL UNIVERSITY GRANT (TUG)**

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

(PINDAAN 2019)

1.0 TUJUAN TUG

Skim Translational University Grant (TUG) ialah dana Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang bertujuan sebagai platform pertama penyelidikan berimpak tinggi bersifat translasional sebagaimana saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Skim TUG merupakan dana khusus untuk projek penyelidikan gunaan (*applied research*) yang akan merencanakan pemindahan ilmu dan teknologi kepada komuniti dalam negara.

2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah maksimum **SATU** (1) tahun.

3.0 SILING PERMOHONAN

Siling permohonan bagi bidang Sains dan Teknologi (S&T) adalah maksimum **RM40,000.00**. Manakala bagi bidang Sains Sosial (SS) adalah maksimum **RM20,000.00**.

4.0 SYARAT PERMOHONAN

Dana ini terbuka kepada semua kakitangan akademik di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan syarat-syarat berikut:-

- 4.1 Terbuka kepada semua kakitangan akademik gred DS51/52 ke atas dan mesti diketuai oleh seorang kakitangan akademik bertaraf tetap atau kontrak (minimum enam (6) bulan) ; dan
- 4.2 Permohonan baharu TUG berdasarkan kesinambungan kepada projek geran fundamental yang telah mencapai objektif dan telah lengkap sepenuhnya (100%) akan diberi keutamaan.
- 4.3 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperaku pada setiap fasa.
- 4.4 Pemohon yang mempunyai mana-mana geran penyelidikan aktif adalah tidak layak untuk mengetuai geran ini.
- 4.5 Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberikan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%).
- 4.6 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

- 4.7 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (dalam dan luar Negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walaubagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan bagi Translational University Grant (TUG) melalui Borang Permohonan TUG.
- 5.2 Permohonan untuk TUG dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat-syarat permohonan.
- 5.3 Semua permohonan akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM).

6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Semua syarat dan peraturan garis panduan ini dipenuhi oleh pemohon.
- 6.2 Penyelidikan bercirikan penyelidikan translasional berteraskan empat halatuju cabaran utama; penjana R&D kepada perkembangan ekonomi, perkembangan bakat dan penjenamaan, penempatan R&D untuk penonjolan bersifat global serta manfaat kepada kesejahteraan masyarakat.
- 6.3 Penyelidikan yang memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat.
- 6.4 Hasil penyelidikan haruslah memberi impak yang signifikan dan berkesan kepada akademia, komuniti, industri atau kerajaan.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

7.1 Vot 11000

(Upah dan Elaun) untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)

- 7.1.1 Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1,800 bagi Sarjana dan RM2,300 bagi PhD; atau mengikut garis panduan IPT.

7.2 **Vot 21000**

Perjalanan dan pengangkutan

- 7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
- 7.2.2 Perjalanan dalam negara perlu memenuhi kriteria di bawah:-
- a) Hanya ketua penyidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu Penyidik Siswazah dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka.
 - b) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal.
 - c) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- 7.2.3 Perjalanan ke luar negara adalah **tidak** dibenarkan.
- 7.2.4 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.3 **Vot 24000**

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

7.4 **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.5 **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Dana ini.

7.6 **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas

i)Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

ii)Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.7 **Vot 35000**

Aksesori dan peralatan

i)Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

ii)Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

iii)Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.8 Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti workstation, komputer riba, iPad, telefon bimbit, mesin pencetak, toner, alat tulis serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

8.0 **HASIL PENYELIDIKAN**

8.1 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** penerbitan dalam jurnal terindeks SCOPUS/ WOS. Penghargaan kepada geran TUG mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

8.2 Harta Intelek

Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa.

8.3 Serahan Hasil Penyelidikan (*Research Deliverables*)

Menghasilkan *research deliverables* yang berpotensi diterjemahkan dan dimanfaatkan.

9.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Surat kelulusan penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM) kepada para penyelidik yang berjaya setelah melalui proses penilaian.

Penyelidik hanya dibenarkan melakukan kerja-kerja penyelidikan setelah menerima surat kelulusan.

Keputusan penilaian adalah muktamad.

10.0 PEMANTAUAN

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Translational University Grant (TUG) perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

Pemantauan projek penyelidikan perlu dihantar ke pejabat CREIM bagi tempoh **Enam (6)** bulan sekali.